

# Alam Wanita

## Tinjauan ke Taman Asuhan

Oleh: 'Athaiyah Hashim

Apabila kita selami jiwa kanak-kanak, maka akan terbuktilah suatu kenyataan bahawa pada mereka ada tersemat cita-cita yang amat tinggi yang tak ternilai harganya. Kenyataan ini dapat dikesan didalam beberapa peringkat pertumbuhan dari kanak-kanak itu. Buktinya dengan mudah boleh kita perolehi dari kanak-kanak yang biasanya telah meningkat umurnya 5 tahun atau 6 tahun, dan yang sedang mau-mau benar pergi sekolah. Lemparkanlah kepada anak-anak ini suatu soalan, ((Mengapa kamu mau pergi ke sekolah? saya mau mengaji seperti abang)), inilah jawapan yang biasa keluar dari lidahnya, dan terbuktilah betapa dia juga mau menyaingi saudara-saudaranya dalam mencarui ilmu pengetahuan sedangkan dia sendiri dikala itu tiada mengerti apakah itu ilmu, dan apa pula gunanya untuk dirinya? Walaupun demikian jawapan yang ringkas dari kanak-kanak ini tetapi, membawa erti yang besar kepada kita semua. Dari cita-cita kanak-kanak yang tinggi inilah timbul suatu soal kepada kita ((Bagaimanakah ilmu itu dapat ditanamkan kepada kanak-kanak tersebut)) tegasnya apakah sebaik-baik jalan untuk mendidiknya sampai menjadi seorang yang pandai? Dibawah ini ada beberapa faktor yang patut diperhatikan bagi memecahkan soalan ini:-

### Pertama:

Pendidik atau pengasuh adalah bertanggungjawab langsung kepada kanak-kanak itu, selagi dianya didalam pendidikan. Galakkan supaya tekun belajar disertakan dengan beberapa pujian-pujian kepada kanak-kanak tersebut, jangan sekali-kali dicuainya oleh mana-mana pengasuh pun. Oleh kerana kanak-kanak itu tak ubah seperti tepung yang sedang diuji yang mana dapat kita bentuk dengan berbagai-bagai corak dan rupa, maka seorang pendidik patutlah tahu menggunakan kesempatan ini bagi membentuk jiwa kanak-kanak tersebut.

### Kedua:

Suatu yang mahu diberikan kepada kanak-kanak biarlah sesuai dengan jiwa dan kemahuan, ini termasuklah mata pelajaran yang diterima disekolah hari-hari, oleh kerana tabiat manusia biasanya tidak dapat menerima suatu yang dipaksakan keatasnya, begitulah halnya dengan kanak-kanak, apalagi cara paksaan boleh menyebabkan timbulnya rasa benci di jiwa kanak-kanak, terhadap sekolahnya yang mungkin pula membawanya benci kepada dunia seluruhnya apabila dia besar kelak.



Wanita-wanita di Bandar Kirkuk bila keluar rumah memakai baju panjang((abaya)) yang menutup tubuh mereka dengan rapi, hanya bila dalam suatu pertemuan sama mereka abaya itu mereka lucutkan.

Ketiga:

Permainan dari berbagai-bagai jenis patutlah disediakan dan diatur untuk kanak-kanak di waktu lapang mereka, sebaik-baik permainan ialah yang sesuai dengan jiwanya, kalau boleh biarlah jenis permainan yang menggerakkan akal untuk berfikir atau menimbulkan semangat untuk berlumba-lumba.

Kalau diperhatikan pula kepada kesulitan taman-taman asuhan dalam mendidik kanak-kanak, maka taktik besarnya adalah selalunya terletak pada soal pelajaran; pelajaran terlalu berat dan kanak-kanak tidak mampu memikulnya, oleh kerana taman asuhan merupakan sebuah kilang yang menghasilkan anak-anak masyarakat yang sihat dalam serba-serbinya, maka pimpinan yang sihat dari pihak taman asuhan patut sekalilah diutamakan.

Langkah-langkah yang saya fikir patut kita ambil untuk membentuk sebuah taman asuhan yang sihat adalah seperti berikut:-

Pertama:

Dasar pelajaran untuk kanak-kanak maulah diperbaiki lebih dahulu agar sesuai dengan tingkatannya.

Kedua:

Cara memberi pengajaran hendaknya janganlah dengan secara kasar, atau dengan lain perkataan, pengajaran haruslah didasarkan keatas asas-asas yang lebih dekat kepada kegemaran kanak-kanak. Perkataan yang kotor serta rotan tidak mendatangkan faedah dalam bidang mendidik kanak-kanak, sebab ini hanya memaksanya untuk belajar dan tidak pula menimbulkan kerelaan hatinya untuk terus belajar.

Dengan sebab inilah biasanya kita mendapati seorang ibu yang pintar dalam hal pendidikan dapat membentuk fikiran anaknya dengan sempurna, cara yang digunakan oleh si ibu ini, ialah membetulkan kesalahan anaknya dengan teguran yang halus yang tidak disedari oleh kanak-kanak itu. Umpamanya si ibu tadi meminta kepada anaknya menulis surah-surah menjemput kawan-kawanya menghadiri majlis perayaan hari jadinya, si anak itu apabila telah siap menulisnya tentu sekali mau ditunjukkan dahulu kepada ibunya. Inilah peluang yang dinanti-nanti oleh si ibu itu untuk membaiki kekhilafan anaknya dalam menggunakan perkataan dan susunan ayatnya.

Seperkara lagi yang patut diketahui, ialah bahawa peringkat kecerdikan kanak-kanak tidaklah sama, disebabkan hal ini kita dapati sebahagian kanak-kanak mudah menerima dan mengingati pelajaran, manakala yang sebahagian lagi pula payah tetapi mudah melupakan yang diajarkan, tetapi jangan pula kita putus asa apabila kita bersua dengan kanak-kanak yang payah menerima pelajaran, atau jangan pula kita terus menerus masa puas apabila mendapati kanak-kanak itu telah dapat mengenal huruf, lalu kita mau memberatinya, dengan menyogokkan pelajaran-pelajaran yang lebih berat dengan tujuan supaya lekas pandai, ini adalah membahayakan.

Ketiga:

Sebab-sebab kemunduran kanak-kanak didalam menuntut ilmu pengetahuan perlu diatasi dan diubah dengan cara-cara yang seperti ini:-

- (1) Menanamkan kepadanya jiwa gotong-royong antara satu sama lain, supaya dia tidak terasa keseorangan, maka dengan cara itu, perasaan kekurangan yang ada cara itu, perasaan kekurangannya yang ada pada dirinya akan hilang dengan sendirinya.
- (2) Menolong kepadanya mengambil tempat yang sesuai, supaya jangan menjadi ejek-ejekan dari rakan-rakannya.

Maka dengan dua perkara yang disebutkan di atas tadi sudahlah cukup untuk kanak-kanak sebagai langkah yang pertama bagi membuka pintu kejayaan yang sentiasa diharapinya.



Pelajar-pelajar perempuan dalam salah sebuah sekolah kepandaian rumah tangga di Bandar Kirkuk.

---

Pendeknya sekolah adalah tempat yang pertama bagi kanak-kanak dan petunjuk jalan baginya, sehingga dapat dia berdiri dan bergantung kepada dirinya sendiri, selaian dari itu sekolah juga tempat dia menghiburkan jiwanya dengan kawan-kawannya, dan dapat bermain dengan mereka diwaktu yang lapang.

Dipetik dari: majalah ((Badan Bahasa dan Pustaka Persekutuan Melayu Mesir)) bilangan (3) Disember 1962.

---

Pujangga ada bermadah:

((Ibu adalah diibaratkan sebuah sekolah untuk membentuk satu bangsa yang berketurunan baik)).

\* \* \*